



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN DALAM PUISI HAIKU KARYA NA. PATCHAIBALAN DARI PERSPEKTIF TEORI STRUKTURALISME

DEMAISURIA A/P KANIASAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KAJIAN DALAM PUISI HAIKU KARYA NA.PATCHAIBALAN
DARI PERSPEKTIF TEORI
STRUKTURALISME**

DEMAISURIA A/P KANIASAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (\checkmark)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

<input checked="" type="checkbox"/>

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...12....(hari bulan).....05..... (bulan) 2022

i. Perakuan pelajar :

Saya, DEMAISURIA A/P KANIASAN, M20142002541 (FAKULTI BAHASA & KOMUNIKASI) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KAJIAN DALAM PUSSI HAIKU KARYA NA·PATCHAI BALA DARI PERSPEKTIF TEORI STRUKTURALISME

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

J. Muniisvaran

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. MUNIISVARAN A/L KUMAR (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KAJIAN DALAM PUSSI HAIKU KARYA NA·PATCHAI BALA DARI PERSPEKTIF TEORI STRUKTURALISME

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (KESUSAHTEERAAN TAMIL) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh



Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KAJIAN DALAM PUSSI HAIKU KARYA I
NA · PATCHAI BALAN DARI PERSPEKTIF TEORI STRUKTURALISME

No. Matrik /Matic's No.: M20142002541

Saya / I : DEMA ISURIA A/P KANJARIAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

IgorcoenDw

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 17. 01. 2022

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Coop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR. MUNISVARAN RUMAH

Senior Lecturer

Department of Modern Languages
Faculty of Languages and Communication
Sultan Idris Education University
35900 Tanjung Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkewenang dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dalam usaha menyiapkan dan melengkapkan cadangan penyelidikan ini, saya telah banyak terhutang budi kepada beberapa pihak yang membantu saya. Pertama sekali, saya bersyukur kepada Tuhan yang Maha Esa kerana atas berkatNya, kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sekalung penghargaan juga dirakamkan kepada Dr. Munisvaran Kumar, penyelia utama yang menyelia penulisan disertasi ini. Beliau telah banyak memberikan nasihat, tunjuk ajar, kritikan dan cadangan membina terhadap kajian ini. Sesungguhnya, segala panduan dan saranan beliau menjadi dorongan dan daya penggerak bagi diri saya sehingga disertasi ini berjaya dihasilkan. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga saya terutamanya bapa dan suami saya yang selalu memberi dorongan dan sokongan moral dalam penghasilan disertasi ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji puisi-puisi Haiku karya Na.Patchaibalan berdasarkan teori Strukturalisme. Objektif-objektif kajian ini ialah mengenal pasti tema yang terdapat dalam puisi-puisi Haiku Na.Patchaibalan berdasarkan teori strukturalisme. Selain itu, menganalisis struktur puisi-puisi Haiku Na.Patchaibalan berdasarkan tema yang dianalisis dan menghuraikan fungsi simbol alam dalam puisi yang dianalisis berdasarkan tema. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara deskriptif berdasarkan analisis dokumen iaitu, terhadap puisi haiku karyaan Na.Patchaibalan daripada buku travelog *Ilakkiya Payanathil Haiku Paadagan*. Pemilihan puisi haiku berdasarkan kepada tema dan memberi fokus kepada struktur luaran, struktur dalaman dan fungsi simbol alam. Data diperoleh dianalisis secara analisis tematik melalui pembacaan dan penelitian bahan kajian, pemilihan data kesemua haiku yang ditulis oleh penyair. Kesemua 93 puisi haiku mempunyai tema, struktur luaran puisi dan fungsi simbol alam masing-masing. Sembilan puisi haiku mempunyai tema berunsurkan alam manakala 11 puisi haiku bertemakan kritikan terhadap masyarakat. Berdasarkan hasil kajian mendapati dua belas tema secara keseluruhannya dalam puisi-puisi Haiku karyaan Na.Patchaibalan. Pembahasan tema dibuat dengan memberikan tumpuan ke atas aspek struktur dalaman puisi yang menekankan perasaan, pengalaman dan renungan penulis terhadap seseorang individu, alam dan masyarakat. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat empat aspek struktur bahasa iaitu bentuk, jenis, suku kata dan penggunaan kata dalam puisi-puisi Haiku Na.Patchaibalan. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak sepuluh simbol alam terkandung dalam puisi-puisi Haiku Na.Patchaibalan dan pembahasan terhadap simbol alam pula dikaji untuk menghuraikan fungsi simbol alam dalam makna tersirat puisi-puisi haiku Na.Patchaibalan. Kesimpulannya, kajian ini mendapati haiku karyaan Na.Patchaibalan memiliki keistimewaan yang tersendiri iaitu ia mudah untuk dibaca, difahami serta digemari oleh generasi muda masa kini. Implikasinya, hasil kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan kepada masyarakat untuk menyedari keindahan puisi haiku dan terus menceburi bidang penulisan haiku pada masa hadapan.





STUDY ON HAIKU POETRY OF NA.PATCHAIBALAN FROM THE PERSPECTIVE OF THEORY STRUCTURALISM

ABSTRACT

This study examines the Haiku poems of Na.Patchaibalan based on the theory of Structuralism. The objectives of this study are to identify the themes found in the poems of Haiku Na.Patchaibalan based on the theory structuralism, to analyze the structure of the poems of Haiku Na.Patchaibalan based on the themes analyzed and to describe the function of nature symbols in poems which analyzed based on themes. This study uses a descriptive qualitative approach based on document analysis. The travelog book, Ilakkiya Payanathil Haiku Paadagan by Na.Patchaibalan were used fully in this research. The haiku poems in this book were selected based on theme which focuses on the external structure, internal structure and function of nature symbols. The data were analyzed by thematic analysis through reading and research of study materials. Nine haiku poems have a nature-oriented theme while 11 haiku poems are on criticism of society. The study found twelve themes in total, in the poems of Haiku Na.Patchaibalan. The discussion of the theme is made by focusing on the aspects of the internal structure of the poem that emphasize the feelings, experiences and reflections of the writer towards an individual, nature and society. The four aspects of language structure, form, type, syllables and word usage were analysed in Haiku Na.Patchaibalan poems. Moreover the study found that ten symbols of nature are contained in the poems and the discussion of symbols of nature is studied to describe the function of symbols of nature in the implicit meaning of the haiku poetry of Na.Patchaibalan. In conclusion, the haiku poems of Na.Patchaibalan has its own special features and it's easy to read, understand and loved by today's young generation. As It can be used as a reference source in the field of haiku writing in the future.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii



BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	9
1.3 Objektif Kajian	11
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Kepentingan Kajian	12
1.6 Batasan Kajian	13
1.7 Definisi Operasional	16
1.7.1 Puisi Haiku	16
1.7.2 Struktur Luaran	17





1.7.3 Struktur Dalaman	18
------------------------	----

1.7.4 Tema	19
------------	----

1.7.5 Simbol	20
--------------	----

1.8 Kesimpulan	21
----------------	----

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan	22
----------------	----

2.1 Biografi Na.Patchaibalan	23
------------------------------	----

2.2 Teori Strukturalisme	30
--------------------------	----

2.2.1 Kajian-kajian dalam Teori Strukturalisme	31
--	----

Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	
---	--

2.2.2 Struktur Bahasa	35
-----------------------	----

2.3 Haiku	
-----------	--

2.3.1 Struktur Haiku	38
----------------------	----

2.3.2 Lain-lain kajian yang berkaitan puisi Haiku	42
---	----

2.4 Kesimpulan	56
----------------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	57
----------------	----

3.1 Reka Bentuk Kajian	58
------------------------	----





3.2 Kerangka Kajian	60
3.3 Kaedah Kajian	61
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	61
3.5 Kaedah Analisis Data	62
3.6 Kerangka Teori	63
3.7 Teori Kajian	65
3.7.1 Struktur Luaran Puisi	68
3.7.2 Struktur Dalaman Puisi	72
3.7.3 Simbol	73
3.8 Kesimpulan	74



BAB 4 ANALISIS DATA

4.0 Pengenalan	76
4.1 Tema 1: Unsur Alam	78
4.1.1 Aspek Struktur	
4.1.2 Tema	
4.1.3 Fungsi simbol alam dalam Haiku Na.Patchaibalan	
4.2 Tema 2: Kritikan Terhadap Masyarakat	86
4.2.1 Aspek Struktur	



**4.2.2 Tema****4.2.3 Fungsi simbol alam dalam Haiku
Na.Patchaibalan****4.3 Tema 3: Ciptaan Manusia**

92

4.3.1 Aspek Struktur**4.3.2 Tema****4.3.3 Fungsi simbol alam dalam Haiku
Na.Patchaibalan****4.4 Tema 4: Cinta dan Kasih Sayang**

98

4.4.1 Aspek Struktur**4.4.2 Tema****4.4.3 Fungsi simbol alam dalam
Haiku Na.Patchaibalan****4.5 Tema 5: Kritikan Terhadap Masyarakat (Alam
Sekitar)**

104

4.5.1 Aspek Struktur**4.5.2 Tema****4.5.3 Fungsi simbol alam dalam
Haiku Na.Patchaibalan****4.6 Tema 6: Masyarakat Yang Berjaya dan Mampu
Menghadapi Cabaran**

110

4.6.1 Aspek Struktur**4.6.2 Tema****4.6.3 Fungsi simbol alam dalam
Haiku Na.Patchaibalan**



4.7 Tema 7: Sejarah

115

4.7.1 Aspek Struktur

4.7.2 Tema

4.7.3 Fungsi simbol alam dalam Haiku
Na.Patchaibalan4.8 Tema 8: Kritikan Terhadap Masyarakat (Golongan
Muda Masa Kini)

121

4.8.1 Aspek Struktur

4.8.2 Tema

4.8.3 Fungsi simbol alam dalam Haiku
Na.Patchaibalan

4.9 Tema 9: Cinta Terhadap Bahasa

128



4.9.1 Aspek Struktur

4.9.2 Tema

4.9.3 Fungsi simbol alam dalam Haiku
Na.Patchaibalan4.10 Tema 10: Amalan Masyarakat Yang Suka
Berborak

132

4.10.1 Aspek Struktur

4.10.2 Tema

4.10.3 Fungsi simbol alam dalam Haiku
Na.Patchaibalan



4.11 Tema 11: Kesengsaraan Masyarakat Akibat Bencana Alam	137
4.11.1 Aspek Struktur	
4.11.2 Tema	
4.11.3 Fungsi simbol alam dalam Haiku Na.Patchaibalan	
4.12 Tema 12: Kritikan Terhadap Masyarakat (Keutamaan kepada Populariti)	142
4.12.1 Aspek Struktur	
4.12.2 Tema	
4.12.3 Fungsi simbol alam dalam Haiku Na.Patchaibalan	



BAB 5 DAPATAN KAJIAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	147
5.1 Ringkasan Kajian	148
5.2 Perbincangan	150
5.3 Cadangan bagi Kajian Masa Hadapan	171
5.4 Kesimpulan	173
BIBLIOGRAFI	176





SENARAI JADUAL

No.Jadual		Muka surat
2.1	Judul Buku-buku yang telah diterbitkan oleh Na.Patchaibalan	25
4.1	Tema 1: Unsur Alam	78
4.2	Tema 2: Kritikan Terhadap Masyarakat (Kepentingan Individu)	86
4.3	Tema 3: Ciptaan Manusia	92
4.4	Tema 4: Cinta dan Kasih Sayang	98
4.5	Tema 5: Kritikan Terhadap Masyarakat (Alam Sekitar)	104
4.6	Tema 6: Masyarakat Yang Berjaya dan Mampu Menghadapi Cabaran	110
4.7	Tema 7: Sejarah	115
4.8	Tema 8: Kritikan Terhadap Masyarakat (Golongan Muda Masa Kini)	121
4.9	Tema 9: Cinta Terhadap Bahasa	128
4.10	Tema 10: Amalan Masyarakat Yang Suka Berborak	132
4.11	Tema 11: Kesengsaraan Masyarakat Akibat Bencana Alam	137
4.12	Tema 12: Kritikan Terhadap Masyarakat (Keutamaan Kepada Populariti)	142





5.1	Data Keseluruhan Tema Yang Dikaji Dalam Haiku Na.Patchaibalan	152
5.2	Data Keseluruhan Simbol Alam Yang Dikaji Dalam Haiku Na.Patchaibalan.	170



**SENARAI RAJAH**

No.Rajah	Muka surat
3.1 Kerangka Kajian	60
3.2 Kerangka Teori Strukturalisme Yang dikaji	64





BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan



Dalam bab pertama, pengkaji akan memberi maklumat-maklumat yang penting bagi kajian yang bertajuk Kajian Dalam Puisi Haiku Karya Na.Patchaibalan Dari Perspektif Teori Strukturalisme. Na.Patchaibalan merupakan seorang penulis puisi Haiku Tamil di Malaysia. Beliau telah menulis sejumlah puisi haiku sewaktu beliau berada di negara India. Pengkaji akan mengkaji puisi-puisi Haiku yang telah ditulis oleh beliau sewaktu di India dalam bukunya yang berjudul *Ilakiya Payanathil Haiku Padagan*. Buku ini secara keseluruhan mengandungi 93 puisi Haiku. Kesemua puisi-puisi Haiku ini dituliskan berdasarkan 12 tema yang berkaitan dengan situasi kehidupan serta alam semula jadi di negara India. Kajian ini mengandungi objektif kajian, soalan kajian, kerangka teori kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian yang merangkumi





teori strukturalisme dalam puisi Haiku karya Na.Patchaibalan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa yang digunakan oleh manusia secara teraturnya adalah digunakan dalam penulisan bagi meluahkan isi hati. Luahan hati itu tersebut berkembang dari segi kreativitinya yang menunjukkan keunikan bahasa itu sendiri. Sebagaimana sesuatu bahasa mencerminkan bangsa masing-masing, penghasilan sesuatu karya yang lebih dikenali sebagai sastera juga mencerminkan gaya hidup, adat dan gaya pemikiran sesuatu bangsa (Manasikana, 2009). Setiap karya yang dihasilkan mempunyai keunikan dan kestrukturran yang dapat menarik perhatian di seluruh dunia. Dalam bahagian ini, pengkaji telah menjelaskan secara terperinci tentang latar belakang kajian secara menyeluruh.

Karya sastera merupakan karya kreatif khayalan yang melahirkan suatu keteraturan, menyusun dan memberi kesatuan pada bahasanya. Pernyataan ini disokong oleh penerangan Mursal Esten (1978) iaitu sastera adalah pengungkapan dari fakta artistik dan imiginatif sebagai manifestasi kehidupan sesebuah masyarakat melalui bahasa sebagai medium dan mempunyai impak yang positif terhadap kehidupan manusia. Menurut Semi (1988) pula, sastera adalah suatu bentuk dan hasil pekerjaan seni kreatif yang objeknya adalah manusia dan kehidupannya menggunakan bahasa sebagai mediumnya.





Kesusasteraan boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu naratif dan bukan naratif. Menurut Hashim Awang (2015), sastera adalah ciptaan atau karya seni yang disampaikan melalui bahasa. Hasil seni dalam bentuk prosa atau puisi mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu bersandar pada zaman. Pernyataan ini dapat menyimpulkan bahawa peradaban dan martabat sesuatu bangsa itu dapat dilihat melalui karya tradisional yang dimiliki. Menurut Jakob Sumardjo dan Saini (1988), sastera merupakan penulisan manusia secara peribadi yang menceritakan pengalaman, pemikiran, perasaan, idea dalam suatu bentuk gambaran konkret yang membangkitkan pesona dengan alat bahasa.



Ini dapat menjelaskan bahawa karya sastera merupakan refleksi seorang pengarang yang menyampaikan pandangannya tentang kehidupan yang wujud di sekitarnya. Oleh sebab itu, karya sastera lebih disimpulkan sebagai alat untuk mencerminkan pengalaman, kepercayaan, pemikiran sesuatu bangsa. Setiap karya sastera mempunyai pengaruh masing-masing terhadap struktur dan juga hasil kreativitinya. Dalam hal ini, salah satu jenis karya dari negara Jepun iaitu Haiku memberi pengaruh dan tarikan yang besar dalam kalangan masyarakat lain di seluruh dunia terutama dari segi penggunaan struktur dan keindahan bahasa. Haiku merupakan salah satu bahan sastera bukan naratif yang lebih dikenali sebagai puisi pendek yang membawa makna





yang mendalam (Ayu Mardalita Dias, 2016). Menurut Ayu Mardalita Dias (2016), Haiku ialah salah satu jenis puisi yang popular dan berkembang luas baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Haiku amat terkenal di negara Jepun dengan memiliki tujuh belas suku kata dengan pola 5-7-5 suku kata dan memiliki *kigo* dan *kireji*. Beliau menyatakan haikumuncul di akhir zaman *Muromachi*, namun berkembang ketika memasuki zaman *kinsei* yang dikenali sebagai zaman Pra Moden. Zaman ini bermula pada tahun 1602 yakni sejak *Shogun Tokugawa Ieyasu* menjadi sebagai pemerintah yang kuat yang memindahkan pusat pemerintahan ke *Edo*.



Menurut Kajian Ayu Mardalita Dias (2016), haiku bermula dari renga sebuah puisi berpola 5-7-5 dan mempunyai 17 suku kata, yang diciptakan berbalas-balas. Bahagian pertama haiku yang terdiri daripada 5 suku kata disebut dengan *kamigo* atau *shougo*. Bahagian tengah yang berjumlah tujuh suku kata disebut *nakashichi* dan bahagian yang terakhir yang terdiri dari lima suku kata disebut *shimogo*.

Selain daripada kajian Ayu Mardalita Dias (2016), Fitriana Puspita Dewi & Santi Andayani (2016) dalam jurnalnya turut menerangkan tentang pola haiku yang asal. Menurut kajian mereka, pola 5-7-5 ini merupakan bentuk asas bagi haiku. Namun, adajuga haiku yang tidak





mengikuti pola tersebut. Haiku yang memiliki lebih dari tujuh belas suku kata disebut *ji amari* (kelebihan huruf atau suku kata) dan haiku yang kurang dari tujuh belas suku kata disebut *ji tarasu* (kekurangan huruf atau suku kata). Selain itu, ada juga haiku yang menyimpang dari susunan yang ditetapkan, yakni berjumlah tujuh belas suku kata, tetapi susunannya tidak 5-7-5, melainkan 7-5-5 ini disebut *kumatagari*.

Seterusnya, Fitriana Puspita Dewi & Santi Andayani (2016) juga menyatakan bahawa ketulenan haiku bukanlah hanya berbentuk pola 5-7-5 suku kata, tetapi juga adanya *kigo* (bahasa alam). *Kigo* merupakan kata-kata yang berhubung dengan keberadaan empat musim. Pengertian *kigo* di dalam *Shinsen Kokugo Jiten*: *Kigo* adalah kata-kata yang terdapat pada rangkap-rangkap dalam haiku yang digunakan untuk menerangkan musim. Keberadaan *kigo* sangat penting dalam haiku untuk mengungkapkan secara jelas tentang empat musim, baik keadaan alamnya maupun perasaan penyair terhadap tiap-tiap musim tersebut. Penyair yang menulis syair haiku tanpa *kigo* dianggap tidak memiliki rasa kepekaan terhadap alam.

Salah satu unsur penunjang lainnya agar haiku tercipta sempurna adalah *kireji*. *Kireji* merupakan kata-kata yang digunakan untuk memotong frasa dalam haiku. Dengan kata lain, kata-kata tersebut berfungsi sebagai pemenggal ungkapan. Umumnya, *kireji* yang





digunakan adalah jenis partikel (*joshi*) dan kata bantu (*jodoshi*). Kemudiannya, *kireji* juga merupakan kata-kata yang menunjukkan perasaan yang mendalam sehingga merupakan salah satu faktor yang dapat menambah unsur keindahan dalam haiku. (Fitriana Puspita Dewi & Santi Andayani, 2016).

Penggunaan *kireji* tidaklah sepenting *kigo* kerana keberadaannya dalam haikutidaklah mutlak. Jika dilihat dari sejarah asal, haiku bermula dari rengga iaitu perkembangan haiku yang lebih awal dari budaya lisan yang kemudian dikembangkan menjadi budaya tulis (Higginson.W.J.1996). Menurut Higginson.W.J, setelah adanya media dan alat untuk menulis seperti kuas, tinta, kertas, pensil, pulpen, haiku-haiku yang diciptakan pada masa budaya lisan mula dicatat dan dikumpulkan dalam bentuk buku. Kemunculan budaya cetak turut memberikan pengaruh terhadap perkembangan dan penyebarluasan haiku. Haiku-haiku yang terhasil mulai dibukukan, diperbanyakkan dan disebarluaskan. Menurut beliau lagi, pola haiku yang khas dan singkat, namun penuh makna membuatkan haiku terkenal hingga ke seluruh dunia.

Banyak penyair yang bukan berasal dari negara Jepun turut membuat puisi dengan pola haiku tertentu dalam bahasa pertuturan mereka (Higginson.W.J, 1996). Setelah haiku mendapat sambutan yang





baik, puisi Jepun ini mula berkembang di negara-negara barat dan timur. Keunikan karya ini mula berkembang di seluruh dunia terutama di negara India melalui penyajak Tamil moden yang terkenal iaitu Subramaniyar Barathi. Pada tahun 1916, Beliau mula memperkenalkan puisi moden ini di Tamil Nadu dengan menterjemahkan haiku Jepun dalam bahasa Tamil versi baru yang bertajuk '*Jappanea Kavithaigal*' dalam majalah *Swadesamitran* (Senthalir, 2017).

Kehadiran puisi haiku ini menjadi satu media penting untuk menyebarkan semangat kemerdekaan dalam kalangan masyarakat India menerusi puisi bertajuk *Tulipa* (Senthalir, 2017). Seterusnya, keindahan dan kestrukturannya yang mudah dan pendek amat disokong oleh pertubuhan-pertubuhan sastera Tamil pada era prakemerdekaan memperluaskan akan penggunaan haiku dengan nama Haiku di Puduchery. Haiku yang berkait rapat dengan Zen dan juga alam telah berkembang dalam bahasa Tamil dengan adanya sedikit sebanyak perbezaan dari segi bentuk dan struktur, gaya bahasa, tujuan dan perasaan. (Ramesh Anand, 2014).

Menurut Kavichudar Na.Kalyanasundaram, Haiku Tamil mempunyai keistimewaan tersendiri berbanding dengan Haiku tradisional Jepun. Ciri-cirinya agak berbeza dari segi bentuk dan suku kata. Menurut beliau puisi Haiku tamil tidak mempunyai peraturan atau





tidak terikat dengan apa-apa membentukkan suku kata atau lebih dikenali sebagai (*Acai*). Walaupun puisi haiku Jepun ini, terikat dengan pola suku kata 5,7,5 dalam setiap baris, malah puisi haiku tamil pula mematahkan peraturan puisi haiku Jepun. Kata-kata pendek dalam puisi haiku Tamil terbentuk daripada keistimewaan tersendiri ikut (*Acai*) masing-masing yang bakal melahirkan rasa kagum dalam hati pembaca. (Na.Kalyanasundaram,2017).

Seterusnya, Beliau juga menjelaskan bahawa ciri seterusnya yang amat ketara dalam puisi haiku tamil adalah tema. Walaupun haiku tidak memiliki sebarang tajuk namun puisi haiku Tamil terbentuk ikut perasaan dan pandangan seseorang penyair. Perasaan dan pandangan yang lahir mempunyai sentuhan dari segi kehidupan manusia dengan alam semula jadi, perubahan cuaca, isu-isu berkaitan masyarakat, isu – isu berkaitan berperikemanusiaan, politik, dunia materialistik, ekonomi, pemikiran sosial dan sebagainya. (Na.Kalyanasundaram,2017). Puisi-puisi haiku tamil yang terbentuk amat menitikberatkan kesemua aspek sebagai kandungan atau tema. Tema yang terbentuk ini dapat memberi suatu kesedaran dalam masyarakat Tamil di seluruh dunia. (Na.Kalyanasundaram,2017).

Dalam kajian ini, pengkaji mengkaji bentuk, suku kata dan baris, jenis serta penggunaan atau pemilihan kata dalam setiap puisi haiku





Na.Patchaibalan dari aspek struktur luaran. Manakala, tema dan fungsi simbol alam dalam puisi pula telah dikaji dari aspek struktur dalaman puisi haiku Tamil. Tema yang dipilih ke atas semua puisi Haiku Na.Patchaibalan berdasarkan konsep tema puisi haiku Tamil yang dinyatakan oleh Na.Kalyanasundaram, 2017. Kajian yang dijalankan ke atas struktur luaran dan dalaman ke atas puisi haiku Na. Patchaibalan bakal memberi impak dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia.

1.2 Pernyataan Masalah

Seiring dengan perkembangan zaman pemodenan dan globalisasi teknologi maklumat, manusia masa kini sering mengejar masa bagi memenuhi keperluan kehidupan hariannya. Masyarakat lebih mengharapkan kreativiti dan inovasi dalam setiap perlakuan. Permintaan dan jangkaan manusia dalam dunia sastera masa kini dapat dipenuhi dengan karya moden, puisi haiku (Na.Kalyanasundaram,2017). Puisi haiku merupakan suatu karya yang indah dan unik. Ia amat senang untuk difahami. (Na.Kalyanasundaram,2017).

Walaupun haiku berasal dari Jepun, namun puisi haiku telah ditulis di Malaysia semenjak 1980an lagi. Haiku Puan Azah Aziz banyak disiarkan dalam akhbar Berita Minggu pada masa tersebut (Damahum, 2003). Pertandingan menulis haiku bagi kanak-kanak sekolah telah mula dianjurkan oleh Japan Airlines (JAL) semenjak tahun 1995 lagi





(Damahum, 2003). Puisi haiku Tamil pula adalah titik perubahan bagi masyarakat tamil yang biasa dengan puisi tradisional dan puisi moden(Na.Kalyanasundaram,2017).

Puisi haiku Tamil mempunyai perkembangan dimensi yang baik dalam sejarah puisi Tamil (Na.Kalyanasundaram,2017). Masyarakat Tamil zaman kini gemar untuk membaca dan mengharungi keindahan puisi haiku Tamil namun puisi haiku tamil masih tidak diberi tumpuan untuk perbahasan (Sabarinathan, 2020). Menurut beliau kajian-kajian dalam puisi haiku Tamil agak kurang diberi perhatian. Kenyataan ini amat diperjelas apabila pengkaji mendapati kesukaran untuk mengumpul data mengenai puisi haiku Tamil di Malaysia dan tidak dapat jumpa sebuah buku haiku Tamil di Malaysia.

Seterusnya, pengkaji mendapati bahawa terdapat kekurangan dalam pendedahan terhadap cara penulisan haiku dalam kalangan Masyarakat tamil di Malaysia. Masyarakat tamil amat biasa dan pakar dalam isu-isu kajian berkaitan pantun tradisional, cerpen, pantun moden. (Na.Kalyanasundaram,2017). Puisi haiku menjadi suatu karya yang membawa perubahan dalam bentuk puisi Tamil. (Sabarinathan, 2020). Kebanyakkan penyair mempunyai perspektif yang tersendiri terhadap pembentukkan puisi haiku Tamil. Walaubagaimanapun, puisi haiku ini tidak begitu menjadi pilihan mahasiswa mahasiswa untuk dibahas. Puisi





haiku Tamil tidak dipedulikan mungkin kerana strukturnya yang berbeza dengan karya sastera yang lain. (Sabarinathan, 2020).

Bagi menyelesaikan masalah ini, kajian mengenai struktur luaran dan dalaman puisi haiku amat penting untuk dikaji. Daripada kajian struktur luaran dan dalaman skop kajian dalam puisi haiku Tamil dapat diperkembangkan dan dapat meningkatkan lagi kajian-kajian dalam pelbagai aspek yang lain. Kesemua permasalahan ini memberikan satu idea kepada pengkaji untuk mengkaji puisi-puisi haiku karya seorang penulis Tamil Malaysia terkenal sebagai permulaan untuk mendorong lebih ramai pengkaji untuk mengkaji tentang Haiku Tamil pada masa akan datang.



1.3 Objektif Kajian

Pengkaji melaksanakan kajian ini untuk mencapai tiga objektif seperti berikut:

- i. Mengenalpasti tema yang terdapat dalam puisi-puisi Haiku Na.Patchaibalan berdasarkan teori strukturalisme.
- ii. Menganalisis struktur puisi-puisi Haiku Na.Patchaibalan berdasarkan tema yang dianalisis.
- iii. Menghuraikan fungsi simbol alam dalam puisi yang dianalisis berdasarkan tema.





1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini meliputi tiga persoalan kajian. Ianya adalah seperti berikut:

- i. Apakah tema yang terdapat dalam puisi – puisi haiku Na.Patchaibalan berdasarkan teori strukturalisme?
- ii. Apakah struktur puisi-puisi haiku Na.Patchaibalan berdasarkan tema yang dianalisis?
- iii. Apakah fungsi simbol alam dapat diuraikan dalam puisi yang dianalisis berdasarkan tema?



1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting untuk menarik minat ahli-ahli sasterawan Tamil dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia. Kajian ini juga menjadi penting untuk membuat penyelidikan mengenai struktur dalam puisi haiku. Penyelidikan yang dikaji dapat mendorong untuk mengkaji tentang haiku dalam pelbagai aspek. Dengan ini, penulisan karya haiku dapat dikembangkan seperti karya-karya lain. Perkembangan ini dapat membantu menghayati haiku dengan lebih mendalam dan juga dapat mendorong para penulis untuk menghasilkan haiku yang berkualiti tinggi.

Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai panduan kajian





lapangan dan dapat memberi ruang kepada pengkaji-pengkaji untuk meneruskan kajian dalam bidang kajian haiku. Hal ini dapat mendorong mahasiswa-mahasiswi untuk mengkaji tentang haiku pada masa kelak. Dengan mengalakkan kajian-kajian seperti ini, pelajar-pelajar dalam mod kursus dan mod penyelidikan mendapat suatu idea untuk mengkaji haiku dengan lebih mendalam dan teliti. Pelajar juga akan mengenali dan mengambil inisiatif untuk mengkaji hasil-hasil ciptaan penulis di Malaysia dan India. Sekiranya, terdapat ramai pengkaji yang sedia untuk mengkaji tentang haiku, ahli-ahli sasterawan akan mula meningkatkan kajiannya dalam haiku dalam skop yang berbeza.



1.6 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai batasan dari beberapa aspek dalam puisi haiku karya Na.Patchaibalan. Pengkaji memilih buku travelog, penulisnya, Na.Patchaibalan yang berjudul *Ilakiya Payanathil Haiku Padagan*. Pengkaji memilih buku travelog ini sebagai sumber kajian kerana belum ada buku puisi haiku Tamil diterbitkan di Malaysia. Dalam buku travelog ini, beliau telah meluahkan segala pengalaman dan perasaan yang dialami dalam bentuk puisi haiku.

Walaupun ia merupakan buku travelog namun buku ini menjadi medium utama kepada pengkaji sebagai permulaan dalam menjalankan





kajian ini. Ini kerana beliau telah mencipta sebanyak 93 puisi haiku Tamil yang mempunyai aspek-aspek yang diperlukan dalam kajian ini. Kajian ini menganalisis semua puisi haiku yang terkandung dalam buku travelog *Ilakiya Payanathil Haiku Padagan* untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh.

Buku pertama yang diterbitkan oleh penulis Na.Patchaibalan berjudul *En Kanavugalum Konjum Kavithaigalum*. Buku ini diterbitkan pada tahun 2009 dengan sejumlah 161 halaman. Buku ini mengandungi pantun moden dan juga puisi haiku. Dalam buku ini, penulis tidak banyak memberikan fokus kepada puisi haiku. Walaupun buku ini mempunyai puisi-puisi haiku untuk dikaji, namun bilangan puisi – puisi dalam buku ini agak tidak memadai untuk skop kajian. Penulis hanya menulis sebanyak tiga puluh puisi haiku dalam buku ini. Jadi pengkaji melihat buku ini agak kurang bersesuaian untuk mengkaji tentang struktur luaran dan dalaman puisi haiku.

Oleh itu, pengkaji memilih buku kedua yang diterbitkan oleh penulis yang sama pada tahun yang sama. Buku kedua yang diterbitkan pada tahun 2009 ialah *Ilakiya Payanathil Haiku Paadagan* yang juga diterbitkan oleh Semman Publication,Semenyih, Selangor. Halaman muka surat buku ini ialah 203 helaian. Kesemua puisi haiku yang ditulis dalam buku travelog ini mempunyai keterangan yang selanjutnya





tentang pengalaman beliau bagi menarik minat pembaca. Dalam buku ini, terdapat sebanyak sembilan puluh tiga puisi haiku yang ditulis oleh Na.Patchaibalan yang dikaji akan semuanya oleh pengkaji.

Selain itu, Teori Strukturalisme digunakan bagi mengkaji struktur haiku. Teori Strukturalisme ini membantu pengkaji memberikan panduan pengkajian struktur puisi haiku Tamil Na.Patchaibalan. Penganalisisan struktur luaran dikaji dari segi bentuk, jenis,suku kata, pemilihan kata, dan struktur dalaman pula dikaji dari segi tema dan fungsi simbol alam dalam puisi haiku karya Na.Patchaibalan. Pengkaji hanya menggunakan buku Na.Patchaibalan secara menyeluruh bagi mendapatkan sumber yang berkualiti dan tepat untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji tidak menggunakan sumber lain selain daripada buku travelog Na.Patchaibalan.





1.7 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, pengkaji menerangkan beberapa istilah yang perlu difahami oleh pembaca. Pengkaji telah menyenaraikan beberapa istilah serta definisi operasional bagimemudahkan pembaca untuk memahami setiap istilah tersebut.

1.7.1 Puisi Haiku

Haiku merupakan puisi terpendek di dunia yang berasal dari negara Jepun dengan hanya terdiri atas 17 suku kata yang terdiri daripada 3 baris yang masing-masing tersusun daripada 5-7-5 suku kata dan 7-7 suku kata



Jepun pada pertengahan abad ke-16. Haiku dapat menerangkan tentang apa sahaja yang menceritakan tentang alam dan kehidupan seharian. Haiku muncul pada akhir abad ke-19. Sajak-sajak yang terkenal dari Zaman Edo (1600-1868) seperti Basho, Yosa Buson, dan Kobayashi Issa pada mulanya terkenal sebagai *hokku* dan meletakkan dalam konteks sejarah haikai (Stephen Addiss,2012).

Segelintir sasterawan juga menyebut *hokku* sebagai *haiku klasik* dan *haikai* sebagai *haiku modern* (Miura Yuzuru, 2000). Biasanya, haiku menerangkan tentang keindahan alam dan senario sesuatu perkara dengan kata-kata yang indah. Selain daripada negara Jepun, negara barat juga terpengaruh dengan keindahan puisi haiku ini dan mula digunakan





dalam karya mereka masing-masing (Meilantari, Ni Lih Gede. 2012).

Walaupun mereka menggunakan idea yang iaitu menggunakan haiku ini untuk menerangkan sesuatu keadaan, namun mereka tidak terikat dengan pola sajak 17suku kata. Ada juga haiku yang mempunyai perbezaan dari segi bentuk asalnya di negara barat.

1.7.2 Struktur Luaran

Menurut Kamus Za'ba (Hasan Hamzah. 2004), kata "struktur" boleh dipecahkan kepada dua kategori. Kategori pertama ialah susunan atau bahagian daripada sesuatu binaan, manakala kategori yang kedua pula ialah sistem rangka sesebuah karya sastera yang terlebih dahulu dirancang. Kategori pertama meliputi pola atau bentuk masyarakat yang terbentuk atau tersusun daripada pelbagai jenis unsur yang mempunyai hubungan antara satu sama lain. Kategori kedua ialah sistem rangka sesebuah karya sastera yang terlebih dahulu dirancang (Hasan Hamzah, 2004).

Kamus Dewan (2014) mentakrifkan struktur luaran sebagai cara sesuatu yang terbina atau terbentuk daripada pelbagai bahagian, unsur atau aspek hingga menjadi suatu pola, sistem, atau bentuk tertentu. Seterusnya struktur juga ditakrifkan sebagai binaan, bangunan, rangka bangunan; dan ia merupakan pola sesuatu organisasi atau masyarakat yang terbentuk atau tersusun daripada pelbagai unsur yang mempunyai hubung kait antara satu dengan yang lain.





Pembinaan struktur bukan sahaja penting untuk pembinaan sesuatu organisasi malah ia juga amat memainkan peranan penting bagi pembinaan sesuatu bahasa untuk menghayati keunikan bahasa tersebut. Hal ini dapat dibuktikan daripada kajian oleh Asmah Omar, (2008). Beliau menjelaskan dalam bukunya iaitu penggunaan bahasa yang baik dan betul adalah terletak pada struktur kata dan susunannya yang baik dan betul. Kesalahan dan kecacatan pada struktur kata akan menghilangkan keharmonian dan keindahan sistem suatu bahasa.

1.7.3 Struktur Dalaman



Pada pandangan Levi-Strauss, (1963), struktur merupakan model yang dibuat oleh ahli antropologi untuk memahami atau menjelaskan gejala kebudayaan yang dianalisisnya, yang tidak ada kaitannya dengan fenomena empiris kebudayaan itu sendiri. Struktur bukan sahaja boleh dianalisis dari luaran sesuatu kandungan malah struktur dalaman juga menjadi penting diketahui bagi mengenali sistem binaan atau rangka dari dalam.

Struktur dalaman merupakan susunan abstrak yang lahir daripada pemikiran atau idea. Pemikiran atau idea yang dikemukakan ini disusun atur dalam bentuk yang jelas. Struktur dalaman ini, bukan sahaja menjelaskan susunan struktur secara mendalam malah ia juga menjadi suatu media untuk mengetahui perasaan, tujuan, maksud, nada, tema dan





sebagainya. Struktur dalaman secara tidak langsung memainkan peranan penting untuk pemikiran yang kritis dan kreatif.

1.7.4 Tema

Tema merupakan subjek yg menjadi dasar sesuatu perbincangan, wacana, karangan, cerita. Ia juga boleh dikatakan sebagai pokok sesuatu kandungan karya. (Kamus Dewan, 2014). Tema merupakan topik atau mesej yang ingin disampaikan dalam sesuatu karya. (Baldick, 2004). Tema dibahagikan kepada dua bahagian iaitu konsep tematik karya (*work's thematic concept*) dan pernyataan tematik (*thematic statement*)



(Griffith.K.2010). Menurut Griffith, kedua-dua bahagian dalam tema mempunyai unsur yang berbeza iaitu, konsep tematik sesuatu karya merupakan tema yang difikirkan oleh pembaca terhadap karya tersebut dan pernyataan tematik pula tema berdasarkan subjek sesuatu karya atau penulisan.

Secara keseluruhannya, konsep tema dapat dijelaskan sebagai suatu idea atau kunci yang menghuraikan sesuatu karya atau penulisan dalam satu kata. Selalunya tema berkait rapat dengan isu-isu mengenai seseorang individu dengan masyarakat, masa depan, alam, manusia dengan perubahan semasa atau teknologi, dan sebagainya. Tema selalunya dihuraikan berdasarkan perlakuan, perasaan, pemikiran dari pada watak-watak dalam sesuatu karya.





1.7.5 Simbol

‘Symbolon’ (symballo) bererti bermakna dalam bahasa Yunani (Dillistone, 2002). Simbol ialah objek yang mewakili atau memberi maksud ataupun melambangkan, sebuah idea, imej visual, kepercayaan atau tindakan (Kamus dewan,2014). Simbol mengambil bentuk perkataan, bunyi, gerak isyarat ataupun imej visual, dan digunakan untuk menyampaikan idea dan kepercayaan(Kamus dewan,2014). Simbol boleh diwakilkan dengan sebuah benda, sebuah tanda atau sebuah kata (Dillistone, 2002). Selalunya simbol juga digunakan untuk mengenali erti kandungan yang cuba ditunjukkan dalam sesuatu perkara



Menurut Pierce dalam (Sobur, 2003) Simbol boleh dikategorikan dalam tiga aspek iaitu Blank Symbol' adalah simbol yang merujuk sifat konotatif. Natural Simbol atau simbol alam adalah simbol yang menggunakan kata-kata yang berkaitan dengan alam, contohnya hutan, hujan dan burung. Seterusnya, Private Symbol' adalah simbol yang khususnya diciptakan oleh Penyair untuk meningkatkan keindahan sesuatu karya. Kesemua simbol yang dinyatakan di sini digunakan untuk tujuan tertentu pada bidang – bidang tertentu.





1.8 Kesimpulan

Bab ini secara keseluruhannya membincangkan pengenalan kepada kajian ini. Dalam bahagian ini beberapa aspek penting dijelaskan antaranya ialah pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian yang merangkumi kajian dalam puisi haiku karya Na.Patchaibalan dari perspektif Teori Strukturalisme. Huraian yang diberikan oleh pengkaji akan membantu dalam melaksanakan kajian ini secara sistematik. Huraian terperinci ini membantu pengkaji untuk memastikan hala tuju kajian ini bagi mencapai ketiga-tiga objektif yang disenaraikan.

